

LAWATAN DELEGASI KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN KE SPPS

Delegasi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dalam rangka lawatan kerja ke Sabah antara 22-25 Mac 2009 sempat melawat SPPS pada 24 Mac 2009. Rombongan terdiri daripada Timbalan Ra'es, Dr. Haji Abdullah Haji Awang Lampoh, Dekan Fakulti, Pustakawan, Bendahari dan pegawai utama KUPUSB. Rombongan lawatan diraikan oleh Dekan SPPS dalam satu majlis ringkas dan penuh bermakna. Satu perbincangan telah diadakan antara pihak SPPS dan KUPUSB berfokus kepada peluang kerjasama dua hala dalam bidang penyelidikan dan program pendidikan pada masa hadapan. Semoga kerjasama yang terjalin mampu menjadi batu loncatan SPPS meningkatkan prastejnya di peringkat antarabangsa.

